




Bertemakan 'UniMAP Di Desa', majlis Anugerah Seri Gemilang 2008 berlangsung dengan meriah dan gilang gemilang pada 7 Mac 2009 lalu di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Majlis yang dihadiri oleh seluruh warga UniMAP diserikan dengan keberangkatan DYTM Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYT Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Majlis juga turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Perlis dan isteri, beberapa keutamaan negeri dan pengurusan tertinggi UniMAP.

Majlis tahunan ini diadakan bagi meraih dan mengiktiraf warga kerja UniMAP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam perkhidmatan dan jawatan yang disandang selain mengiktiraf pencapaian cemerlang mereka dalam bidang penyelidikan, sukan dan kebudayaan.



Naib Canselor, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dalam ucapannya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga UniMAP tanpa mengira peringkat jawatan kerana telah bersama-sama menyumbangkan idea, kepakaran dan tenaga untuk membawa UniMAP ke tangga kecemerlangan sebagaimana yang dikecapi hari ini. Beliau turut menyeru agar setiap warganya tidak mudah leka dengan pencapaian hari ini dan mengekalkan semangat kerjasama sepasukan demi memartabatkan Universiti ini ke tahap yang lebih tinggi di persada negara dan antarabangsa.

Seramai 67 orang staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, manakala 16 orang staf dan 1 pusat tanggungjawab menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang bagi pelbagai kategori anugerah yang diwujudkan.

Para penyelidik UniMAP yang telah berjaya memenangi pingat di pameran-pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa juga menerima pengiktirafan masing-masing pada majlis ini. UniMAP turut tidak melupakan sumbangan warganya dalam bidang sukan dan kebudayaan apabila pasukan dan individu yang cemerlang menerima pengiktirafan masing-masing mengikut kategori anugerah yang diwujudkan. Selain penganugerahan, majlis turut diserikan dengan persembahan menarik daripada kakitangan dan artis tanahair.



Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008:

- | | | |
|--|----------------------------------|--------------------------------|
| 1. Prof. Madya Dr. Johari Adnan | 23. Mohd. Shaiful Ashrul Ishak | 46. Hanizan Mat Hussien |
| 2. Dr. Hazry Desa | 24. Norazian Mohamed Noor | 47. Hairuz Fadzlee Hashim |
| 3. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor | 25. Abdul Haqi Ibrahim | 48. Mohamad Azalizan Mat Salim |
| 4. Prof. Madya Dr. Syed Alwee Al-Junid
Syed Junid | 26. Lim Eng Aik | 49. Razaleigh Abd. Rahim |
| 5. Prof. Madya Dr. Mohd. Shuid Salleh | 27. Razaidi Hussin | 50. Amir Ahmad |
| 6. Nor Azmi Hj. Johari | 28. Muhammad Hatta Hussain | 51. Mohammad Radzuan Md. Radzi |
| 7. Muhammad Nasir Murad | 29. Noor Azira Mohd. Noor | 52. Yusnita Radin Yusoff |
| 8. Mohd. Hafiz Ismail | 30. Noor Hasyierah Mohd. Salleh | 53. Noor Rastina Johari |
| 9. Zainuddin Mat Isa | 31. Mahamad Akmal Saad | 54. Normunasurani Mohd. Nor |
| 10. Muhammad Juhairi Aziz Safar | 32. Faridah Wahab | 55. Ku Ishar Ku Ariffin |
| 11. Mohd. Hafiz Fazalul Rahiman | 33. Zuhairah Idrus | 56. Nor Zairi Mat Ros |
| 12. Badrul Azmi Abdul Holed | 34. Noor Asliza Abdul Rahim | 57. Noorazila Mohd. Bahari |
| 13. Khairul Farihan Kasim | 35. Aznira Abdul Azib | 58. Azhar Ahmad |
| 14. Aishah Mohd. Noor | 36. Ummi Naemah Sarahi | 59. Shahirah Shafie |
| 15. Soh Ping Jack | 37. Azmi Ahamad | 60. Mohd. Rolfaizal Rodi |
| 16. Hasnizah Aris | 38. Mashitoh Abu | 61. Mohamad Haris Uzir |
| 17. Muhammad Imran Ahmad | 39. Muhammad Najib Othman | 62. Shahreeza Zainal Abidin |
| 18. Salina Mohd. Asi | 40. Raja Shah Erman Raja Ariffin | 63. Munif Mohd. Marzuki |
| 19. Mohd. Rafi Adzman | 41. Norain Rusyilawati Aziz | 64. Yusran Mohd. Munir |
| 20. Noraziana Parimin | 42. Normiza Othman | 65. Zulkifli Sham Saad |
| 21. Mohd. Zaheruddin Kasmuin | 43. Norismiza Ismail | 66. Anuar Md. Ishak |
| 22. Norasmadi Abdul Rahim | 44. Najdawati Mohd. Fadzil | 67. Zaiton Abdullah |
| | 45. Mohd. Shahrul Annuar Alawi | |